

Asia perlu terajui paten farmaseutikal

PUTRAJAYA: Asia berdepan tiga cabaran utama dalam mendampingi isu pandemik Covid-19 yang mencetuskan krisis pelbagai dimensi untuk ditangani secara komprehensif.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tiga cabaran itu ialah akses kesihatan yang saksama, ketidakadilan sosioekonomi dan kelompongan kepimpinan global.

Menurut beliau, kesaksamaan akses vaksin kepada semua negara perlu dititikberatkan memandangkan ada antara negara tidak mampu memperoleh vaksin, contohnya 27 negara terkaya mempunyai 35.5 peratus vaksin, walaupun hanya merangkumi 10.5 peratus populasi dunia.

"Terdapat 1.23 bilion dos yang diberikan di 174 negara setakat



MUHYIDDIN YASSIN

ini, 252 juta dos atau 20 peratus bekalan global diambil oleh Amerika Syarikat (AS) sahaja.

"Dari segi pengeluaran, China dan India telah mengeksport sekitar 200 juta dan 66 juta dos

vaksin, masing-masing sekitar 48 peratus dan 34 peratus daripada jumlah pengeluaran mereka.

AS dan United Kingdom hanya mengeksport tiga juta dan sejuta dos vaksin masing-masing, atau hanya 1.1 peratus dan empat peratus daripada jumlah pengeluaran," katanya dalam ucpatama Persidangan Antarabangsa Masa Depan Asia Nikkei Ke-26 secara maya, semalam.

Muhyiddin berkata, dalam hal itu, Malaysia menyambut baik hasrat pentadbiran Presiden AS, Joe Biden pada 5 Mei lalu untuk mengetepikan sementara perlindungan harta intelek (IP) untuk vaksin Covid-19.

Kata beliau, penggantungan IP sementara mesti memberi jalan kepada perubahan menyeluruh sistem paten farmaseu-

tikal dan Asia mesti menerajui langkah membuka perlindungan paten untuk menghasilkan versi generik ubat penyelamat nyawa yang lebih murah untuk penyakit kritikal, dari Covid-19 hingga HIV/Aids.

Muhyiddin berkata, cabaran kedua ialah peningkatan kepada 99 peratus populasi global berkaitan ketidakadilan sosioekonomi apabila kapitalisme mencipta kekayaan dan kemajuan di satu pihak, namun begitu banyak ketidakaksamaan dan ketidakstabilan di pihak lain.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, cabaran kelompongan kepimpinan global melibatkan isu dasar nasionalisme dan pemencilan yang masih menguasai kedudukan penting dalam kuasa global.